

Pemilik farmasi dikompaun RM20,000 jual topeng muka melebihi harga kawalan

2020-02-18T18:35:14+08:00
oleh Hamzah Sanudin



KOMPAUN: Anggota KPDNHEP mengeluarkan kompaun ke atas premis yang didapati menjual topeng muka melebihi harga kawalan.

TAWAU: Pemilik sebuah farmasi di daerah ini dikenakan kompaun sebanyak RM20,000 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas didapati menjual topeng muka melebihi harga kawalan yang ditetapkan, di sini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Tawau Aslani Dabi berkata, tindakan kompaun itu susulan daripada aduan orang awam berkenaan penjualan topeng muka dengan harga RM8.50 seunit melebihi harga yang ditetapkan.

"Bertindak berdasarkan aduan awam, sepasukan anggota menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah farmasi di Jalan Belian, di sini pada jam 11 pagi.

"Hasil siasatan mendapati premis terbabit menjual topeng muka jenis N95 dengan harga RM8.50 seunit sedangkan harganya paling maksimum yang sudah ditetapkan hanya RM6.00 seunit," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengeluarkan notis kompaun sebanyak RM20,000 ke atas pengurus premis terbabit dan kesalahan itu di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Pengurus premis terbabit juga mengakui kesalahannya dan diberikan tempoh notis selama 14 hari untuk menyelesaikan kompaun berkenaan," katanya.

Sementara itu, pihaknya juga mengadakan pemeriksaan ke atas beberapa premis dan farmasi yang menjual topeng muka di sekitar bandar dan mendapati kebanyakannya mengalami kekurangan bekalan produk berkenaan berikutan permintaan tinggi daripada pengguna akibat penularan COVID-19.

"Peniaga juga diberikan amaran supaya jangan menjual barang terutamanya yang dikawal dengan harga tidak berpatutan dan menyorok atau menahan barang seperti topeng muka daripada sampai ke pasaran dengan tujuan memanipulasi harga.

"Pengguna juga digesa supaya tampil membuat aduan kepada KPDNHEP sekiranya mendapati ada premis menjual topeng muka yang melebihi harga kawalan," katanya.

